

# Peruntukan dana permulaan RM5j

BH- 30/10/2021 ml/s 2/

**Kerjasama semua pihak pastikan tiada mahasiswa tercicir, permudah, percepat permohonan**

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Penubuhan Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia secara langsung memamerkan keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan mahasiswa seperti terkandung dalam konsep Keluarga Malaysia, iaitu Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesukuran, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, penubuhan yayasan itu seiring prinsip kerajaan yang sentiasa memastikan tiada seorang pun yang akan tercicir atau terpinggir.

Beliau yang melancarkan yayasan itu secara dalam talian, semalam, turut mengumumkan

persetujuan kerajaan memberikan peruntukan dana permulaan RM5 juta yang disalurkan menerusi Kementerian Kewangan.

Katanya, ia tanda sokongan kerajaan dalam memastikan kelangsungan operasi dan matlamat penubuhannya tercapai.

“Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia adalah badan berperanan bagi membantu mahasiswa yang memerlukan dan ia seiring prinsip kerajaan yang mahu memastikan tiada seorang pun tercicir atau terpinggir.

“Yayasan berstatus badan rasmi peringkat nasional itu ditubuhkan mengikut Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Akta 258) dengan dikawal selia Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.

“Badan ini akan berkolaborasi dengan semua saluran bantuan dan yayasan sedia ada di institusi pengajian tinggi (IPT) bagi memudahkan bantuan disalurkan kepada mahasiswa yang memerlukan bantuan.

“Jadi, saya mengingatkan agensi dan pihak terbabit supaya permudahkan dan mempercepat-



Ismail Sabri melancarkan penubuhan Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia secara maya di Putrajaya, semalam. (Foto ihsan BERNAMA TV)

kan sebarang permohonan lengkap yang diterima daripada mahasiswa supaya bantuan dapat disalurkan segera kepada mereka,” katanya.

Yang turut hadir, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Perdana Menteri berkata, seperti mana sebuah keluarga, se-

tiap ahli yang susah perlu dibantu dan nilai murni itu juga yang perlu diamalkan setiap mahasiswa.

Berikutan itu, beliau berkata, adalah penting untuk setiap mahasiswa melihat rakan sebagai sebuah keluarga besar yang saling memerlukan.

“Sehubungan itu, dengan terubuhnya yayasan ini, tergalaslah amanah di bahu Majlis Per-

wakilan Pelajar (MPP) khususnya dan setiap mahasiswa amnya bagi memastikan tiada rakan yang memerlukan tercicir daripada dibantu.

“Demi melaksanakan usaha murni ini, saya menyeru semua mahasiswa mengenggam erat prinsip kebersamaan tanpa mengira agama, bangsa dan kaum.

“Melalui penubuhan yayasan ini, pengurusan dan penyelarasan hal ehwal kebajikan mahasiswa diharap lebih bersepadu. Yayasan ini wajar menjadi asbab semua pihak memberikan yang terbaik, ke arah menterjemahkan aspirasi konsep Keluarga Malaysia,” katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri berkata, penularan wabak COVID-19 turut memberi kesan kepada sektor pengajian tinggi, membabitkan lebih 1.2 juta mahasiswa di seluruh negara.

Katanya, angka itu mewakili hampir 600,000 mahasiswa institusi pengajian tinggi awam (IPTA), lebih 500,000 di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dan bakinya lebih 100,000 di politeknik serta kolej komuniti.